



DOKUMEN KERANGKA PROGRAM PENSIJILAN KOMPETENSI TEKNIKAL JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR
(CREaTE)

KAWALAN DOKUMEN

MAKLUMAT DOKUMEN

Tajuk Dokumen	Kerangka Program Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR Malaysia
Pemilik Program	Pengarah Kanan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi JKR (CREaTE)

VERSI

Versi	Tarikh	Keterangan
1.0	26 Jun 2020	Draf
1.1	22 Julai 2020	Dokumen kerangka diluluskan di MPT
1.2	29 April 2021	Adendum No. 1 (dimansuhkan)
1.3	24 Disember 2021	Dokumen kerangka diluluskan di MPT

HUBUNGI

Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi JKR (CREaTE)
Jalan Kemus
78000 Alor Gajah, Melaka.

No. Tel: 06-551 2205/2206/2207/2208/2209/2210/2211

Emel: pensijilanjkr@jkr.gov.my

PENGHARGAAN

Dokumen Kerangka Program Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR Malaysia merangkumi:

- i) Pengenalan dan Tadbir Urus Pensijilan;
- ii) Syarat-syarat Kelayakan Pensijilan;
- iii) Kaedah Pelaksanaan Pensijilan (Tatacara Permohonan, Tatacara Penilaian, Pelantikan Panel Penilai, Kaedah Penilaian dan Wajaran Pemarkahan, Pengesyoran dan Perakuan); dan
- iv) Rayuan Terhadap Keputusan Penilaian

Dokumen Kerangka ini telah dibangunkan pada 26 Jun 2020 oleh Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada Wakil Disiplin (Awam, Mekanikal, Elektrik, Arkitek dan Ukur Bahan) dan Pemilik Kompetensi Teknikal di peringkat Jabatan yang berpengalaman luas dalam bidang khusus masing-masing.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua ahli Jawatankuasa Teknikal dan para pegawai JKR lain yang turut terlibat atas sumbangan kepakaran, idea, tenaga dan masa dalam proses pembangunan kerangka program pensijilan ini dan penerbitan dokumen Kerangka Program Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR Malaysia:

Bil	Disiplin	Bidang Kompetensi	Nama Pemilik Kompetensi
1	Awam	Kejuruteraan Jalan	Ir. Razhiah bt Wahab
		Keselamatan Jalan	Ir. Abdul Rahman bin Baharuddin
		Kejuruteraan Jambatan	Ir. Atikah bt Zakaria @ Ya
		Kejuruteraan Cerun	Ir. Kaniah bt Ambak
		Senggara Fasiliti Jalan	Ir. Shamsulakmar bin Munir
		Kejuruteraan Lapangan Terbang	Ir. Muhammad Khazani
		Kejuruteraan Pengangkutan Darat	Ir. Mohamed Amin bin Kassim
		Kejuruteraan Maritim	Ir. Waznah bt Aziz
		Alam Sekitar	Pn. Farah binti Abdul Samad
		Kejuruteraan Struktur Bangunan & Reka Bentuk Struktur	Ir. Rosnita Binti Abdul Rani
		Kerja Sipil	Ir. Hjh. Atikah Binti Abdul Hamid
		Kejuruteraan Geoteknik	Ir. Edayu binti Salleh@Aman
		Forensik Struktur	Ir. Mohd Shaifuddin Bin Abdul Razak
		Kejuruteraan Bekalan Air	Hj. Sulaiman Bin Kamisan
		Pengurusan Permintaan Bekalan Air	Hj. Sulaiman Bin Kamisan

Bil	Disiplin	Bidang Kompetensi	Nama Pemilik Kompetensi
2	Mekanikal	Kejuruteraan Kuari	Ir. Aishah Hazlina bt Md Dean
		Pengurusan dan Kejuruteraan Worksyp	En. Mohd. Nizam bin Ibrahim
		Sistem Automasi Bangunan	Ir. Aishah Hazlina bt Md Dean
		Sistem Bekalan Air Dalaman dan Sanitari	Ir. Aishah Hazlina bt Md Dean
		Sistem Lif & Eskalator	Ir. Mohd. Naimie bin Mazid
		Sistem Pencegah Kebakaran	Ir. Yatim Selamat bin Latib
		Sistem Penyaman Udara	Ir. Hj. Zulkifli bin Abdul Rashad
		Kejuruteraan Forensik mekanikal	Ir. Amiruddin bin Mohamed
		Kawalan Bunyi dan Getaran	Ir. Amiruddin bin Mohamed
		Sistem Pengurusan Tenaga	Ir. Dr. Abdul Murad b. Zainal Abidin
		Kelestarian Sistem Mekanikal	Ir. Dr. Abdul Murad b. Zainal Abidin
Kejuruteraan Sistem Perubatan	Ir. Ahmad Apandi bin Lakin		

Bil	Disiplin	Bidang Kompetensi	Nama Pemilik Kompetensi
3	Elektrik	<i>Electrical System Engineering</i>	Ir. Siti Nor binti Hassan
		<i>Lightning & Surge Protection System</i>	Ir. Hamzah bin Ismail
		<i>Power Protection System & Electrical Safety</i>	Ir. Saiful Zuhaimi bin Ahmad
		<i>Biomedical Engineering</i>	Ir. Muhammad Syukri bin Khasim
		<i>Power Quality (Electrical)</i>	Ir. Hamzah bin Ismail
		<i>Forensic Engineering (Electrical)</i>	Ir. Hamzah bin Ismail
		<i>Illumination Engineering</i>	Ir. Ana Salmi binti Ahmad Salman
		<i>Security System</i>	Ir. Zularifin bin Sejo
		<i>Audio System</i>	Ir. Zularifin bin Sejo
		<i>SMATV and Visual System</i>	Ir. Zularifin bin Sejo
		<i>Data Centre and System Design</i>	En. Dzulhadi bin Sapari
		<i>Network System Technologies</i>	Ir. Dr. Megat Zuhairy bin Megat Tajuddin
		<i>Signaling and Communication System</i>	En. Dzulhadi bin Sapari
		<i>Telecommunication</i>	En. Dzulhadi bin Sapari
<i>Energy Efficiency (Electrical)</i>	En. Mohd Ainor bin Yahya		
<i>Renewable Energy (Electrical)</i>	Ir. Dr. Abdul Muhaimin bin Mahmud		

Bil	Disiplin	Bidang Kompetensi	Nama Pemilik Kompetensi
4	Arkitek	Konservasi Bangunan	Dr. Mohd Sabere bin Sulaiman
		Perancangan Senibina Keselamatan	Pn. Azlita bt Othman
		Reka Bentuk Perbandaran Lestari	En. Shahrom bin Zainal Abidin
		Reka Bentuk Sejagat	Ar. Yong Razidah bt Rashid
		Senibina Landskap	Dr. Azlina bt Aziz
		Senibina Lestari	En. Massrol Nizzam Bin Md Salleh
		Multimedia Senibina	En. Shamsul Nazair bin Mohd Yunus
		Hiasan Dalaman	Ar. Zainal Bin Mat Rais
		Forensik Senibina	Ar. Thulasaidas Sivasubramaniam
		Perancangan Fasiliti Kesihatan	Ar. Hasnah bt Yun

Bil	Disiplin	Bidang Kompetensi	Nama Pemilik Kompetensi
5	Ukur Bahan	Pengurus Kos Pembinaan	Sr Husnan bin Hussin
		Pengukuran Kuantiti Kerja Awam	Sr Hjh. Zawiyah @ Zalina bt Mat Zain
		Pengukuran Kuantiti Kerja Bangunan	Sr Kalsom bt Hamid
		Pengurus Pentadbiran Kontrak	Sr Zawiyah bt Kassim
		Pengurus Perolehan	Sr Dr. Muhammad Imran bin Zin Zawawi
		Pengurus Tuntutan Kontrak	Sr Noliza bt Din

Bil	Disiplin	Bidang Kompetensi	Nama Pemilik Kompetensi
6	Pelbagai	<i>Building Information Modelling (BIM)</i> - Bangunan	En. Muhammad Khairi bin Sulaiman
		<i>Building Information Modelling (BIM)</i> - Jalan dan Jambatan	Dato' Ir. Hj. Che Noor Azeman Bin Yusoff

Penasihat Kerangka Program Pensijilan Kompetensi Jabatan Kerja Raya

Ir. Wan Ibrahim bin Wan Yusoff

Bil	Urus setia BKPAK, CREaTE	Nama
1.	Awam (Unit Jalan dan Pavemen)	En.Mohamad Azman Bin Abu Bakar (Ketua Unit) Pn. Hafliza Binti Abdullah Fakri Ir. Mahvidayanti Binti Muhamad Tarmidi En. Muhamad Azrulanuar Bin Zakaria Ir. Khairul Faizi Bin Saim En. Jason Lim Boon Seng Cik Norlin Binti Jamaludin
2.	Awam (Unit Bangunan dan Struktur)	Hj. Mohd Noh Bin Karim (Ketua Unit) Ir. Rosilawati Binti Mazlan En. Mohd Haffizan Bin Abdul Ghafar Ir. Zainudin Bin Sulaiman En. Safri Bin Karim Pn. Norsyazwani Binti Mohd Isa
3.	Unit Mekanikal	Ir. Hj. Nor Azmi Bin Mohd Jamal (Ketua Unit Menjalankan Tugas Pengarah Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan, BKPAK, CREaTE) En. Shahrul Aszad Bin Md Rozali Dr. Siti Nor Azila Binti Khalid Pn. Nurhazlina Binti Annuar En. T. Krishnan A/L Tharuma Seelan
4.	Unit Elektrik	Ir. Dr. Hannerita Binti Mohamad Zainal (Ketua Unit) En. Mohd Shukri Bin Dolah En. Mohd Hairuddin Bin Hamdan Pn. Nur Safura Binti Ab Khalid En. Mohd Sufean Bin Nordin
5.	Unit Arkitek	Ar. Rinna Siow (Ketua Unit) Pn. Syariza Binti Mohamad Azidin Ar. Rafidah Binti Ismail En. Mohd Helmi Bin Hashim Pn. Zuria Zihanee Binti Mohd Mohdzir
6.	Unit Ukur Bahan	Sr Noraini Binti Othman (Ketua Unit) En. Shamsul Ariff Bin Abdul Ghani Pn. Nurul Asyikin Binti Hasbollah

KANDUNGAN

	PENGHARGAAN	iii - vi
1.0	LATAR BELAKANG	1
2.0	TUJUAN	1
3.0	OBJEKTIF	2
4.0	TADBIR URUS	
4.1	Pemilik Program	2
4.2	Pengurus Program	3
4.3	Urus setia Program Pensijilan	4
4.4	Jawatankuasa Pembangunan Piawaian Kompetensi	4
4.5	Jawatankuasa Teknikal Kerangka	5
4.6	Jawatankuasa Meluluskan Dokumen Kerangka	5
4.7	Jawatankuasa Pengesahan Permohonan	6
4.8	Pemilik Kompetensi	6
4.8	Panel Penilai	6
4.9	Jawatankuasa Perakuan Pensijilan Kompetensi	7
4.10	Jawatankuasa Panel Rayuan	7
5.0	SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PENSIJILAN	
5.1	Rujukan Model Kompetensi	8
5.2	Syarat Kelayakan Asas Pensijilan	9
6.0	KAEDAH PELAKSANAAN PENSIJILAN	
6.1	Tatacara Permohonan	13
6.2	Tatacara Penilaian	13
6.3	Piawaian (<i>Standard</i>) Kompetensi Pensijilan	15
6.4	Pelantikan Panel Penilai	15
6.5	Kaedah Penilaian dan Wajaran Pemarkahan	16
6.6	Pengesyoran dan Perakuan	16
6.7	Penurunan Tahap	17
7.0	RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN PENILAIAN	17
8.0	PENYERAHAN PERMOHONAN DAN KOMUNIKASI LAIN	18
9.0	PELEPASAN MELAKSANA TUGAS HAKIKI	18
10.0	LAMPIRAN BAGI KERANGKA	19

Lampiran 1: Senarai kursus wajib mengikut bidang khusus dan tahap pensijilan (**Lampiran A1 hingga K**)

Lampiran 2: Carta alir pelaksanaan program pensijilan

Lampiran 3: Borang Permohonan Rasmi dan Laporan Pengalaman

Lampiran 4: Keterangan mengenai Laporan Teknikal

1.0 LATAR BELAKANG

Bermula dengan Pelan Strategik Jabatan Kerja Raya 2016-2020, di bawah inisiatif Tema 3 – Pusat Kecemerlangan Teknikal – Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia komited menyahut cabaran untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada pemegang taruh (*stakeholder*) dengan mewujudkan pakar dalam setiap bidang teknikal yang telah dikenal pasti.

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, JKR Malaysia telah mengambil pelbagai inisiatif, antaranya Program Pensijilan Kompetensi JKR berasaskan *Competency Model & Dictionary JKR (Rev. 1-2017)*. Inisiatif ini merupakan usaha JKR selaras dengan Pelan Strategik JKR untuk mengenal pasti lebih ramai pegawai yang kompeten untuk ditauliahkan dalam bidang khusus. Pegawai-pegawai tersebut berkeupayaan untuk memberi sumbangan individu dan menjadi pelapis untuk kesinambungan serta kelangsungan JKR sebagai agensi teknikal terulung negara. Tanggung jawab untuk melaksana program pensijilan ini telah diberikan kepada Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi, JKR (CREaTE) melalui surat rujukan (51) JKR.CREaTE.600-16/7/1 bertarikh 18 Disember 2017.

Pelaksanaan Program Pensijilan Kompetensi JKR bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pegawai yang mempunyai kompetensi di dalam bidang-bidang khusus dengan penganugerahan Sijil Kompetensi Teknikal JKR dalam bidang berkenaan. Pengiktirafan diberikan berdasarkan kepada penilaian tahap kompetenan yang dimiliki. Selain itu, program Pensijilan Kompetensi JKR ini berperanan sebagai satu kaedah untuk mengenal pasti calon-calon *Subject Matter Expert (SME)* dalam bidang-bidang khusus. Program Pensijilan ini terbuka kepada semua pegawai pengurusan dan profesional serta pegawai pelaksana JKR yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam kerangka ini.

2.0 TUJUAN

Kerangka kerja ini dibangunkan bagi menggariskan kaedah pelaksanaan program Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR. Ia mengandungi tatacara tadbir urus dan kaedah berkaitan pelaksanaan program, piawaian kompetensi yang digunapakai, kaedah dan skema penilaian serta wajaran pemarkahan mengikut tahap pensijilan.

3.0 OBJEKTIF

Program Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- 3.1 Mengiktiraf kompetensi dan keupayaan pegawai JKR dalam disiplin awam, arkitek, mekanikal, elektrik dan ukur bahan;
- 3.2 Melahirkan pakar rujuk dan khidmat nasihat dalam bidang strategik secara berperingkat dan sistematik;
- 3.3 Meningkatkan kepakaran serta kualiti sistem penyampaian kerajaan;
- 3.4 Meningkatkan motivasi pegawai JKR dengan memastikan kesinambungan kepakaran dalam bidang pengkhususan masing-masing;
- 3.5 Peluang pembangunan dan kemajuan kerjaya yang lebih baik;
- 3.6 Meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh JKR; dan
- 3.7 Menerapkan profesionalisme di kalangan pegawai JKR dalam mematuhi piawaian dan amalan terbaik yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran, nilai diri dan pengalaman.

4.0 TADBIR URUS

Program Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR, Malaysia ini akan ditadbir urus berdasarkan peranan dan tanggung jawab seperti berikut:

4.1 PEMILIK PROGRAM

4.1.1 Pemilik program adalah Pengarah Kanan, CREaTE yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kerja Raya.

4.1.2 Peranan dan Tanggungjawab :

- i. Melantik Pengurus Program Pensijilan Kompetensi JKR Malaysia
- ii. Melantik Jawatankuasa Pembangunan Piawaian Kompetensi terdiri daripada Pengarah Kanan/Pengarah, Pemilik Kompetensi, Pakar Rujuk Jabatan dan *Subject Matter Expert (SME)* untuk menyediakan piawaian kompetensi bagi setiap bidang pensijilan yang mengandungi elemen kompetensi, kriteria prestasi dan wajaran pemarkahan; yang mana Pengerusi terdiri daripada Pengarah Kanan / Pengarah berkenaan
- iii. Melantik Jawatankuasa Teknikal Kerangka yang terdiri daripada Wakil Disiplin (Awam, Mekanikal, Elektrik, Arkitek, Ukur Bahan dan Ukur Bangunan), Pemilik (*Owner*) Kompetensi di peringkat jabatan dan urus setia di Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi (BKPAK) untuk membangunkan Kerangka Program Pensijilan; dipengerusikan oleh Pengarah BKPAK

- iv. Melantik dan mengurus Jawatankuasa Meluluskan Kerangka Program Pensijilan bagi penggunaan Jabatan
- v. Membentangkan dokumen Kerangka Program Pensijilan kepada pengurusan tertinggi untuk diperakukan
- vi. Melantik Jawatankuasa Pengesahan Permohonan
- vii. Melantik panel penilai daripada kalangan Pengarah Kanan/Pengarah, pegawai yang memiliki Sijil Kompetensi Teknikal JKR, *Subject Matter Expert* (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia), Pakar Rujuk Jabatan, atau pakar/pesara pakar dari agensi kerajaan atau swasta
- viii. Melantik dan mengurus Jawatankuasa Perakuan Pensijilan Kompetensi JKR Malaysia bagi memperakukan calon menurut tahap pensijilan yang selayaknya.

4.2 PENGURUS PROGRAM

4.2.1 Pengurus Program adalah Pengarah Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan (BKPAK), CREaTE yang dilantik oleh Pemilik Program.

4.2.2 Peranan dan Tanggungjawab

Pengurus Program bertanggungjawab melaksanakan operasi program ini dan mengarah Ketua Unit serta pasukan BKPAK untuk melaksana aktiviti berikut:

- i. Mengurus pembangunan dan pemantapan Kerangka Program Pensijilan
- ii. Mengurus pembangunan dan pemantapan Dokumen Piawaian Kompetensi bidang
- iii. Mengurus penganjuran kursus-kursus wajib pensijilan dan aktiviti lain yang berkaitan
- iv. Mengurus pelantikan panel penilai kompetensi dari kalangan pegawai JKR atau pakar/pesara pakar daripada jabatan kerajaan atau organisasi swasta
- v. Mengurus pelaksanaan sesi penilaian/temuduga kompetensi
- vi. Mengurus pengesyoran pentauliahian calon yang lulus penilaian untuk pengesahan dan kelulusan Jawatankuasa Perakuan Pensijilan Kompetensi.
- vii. Mengurus rayuan calon ke atas keputusan penilaian Program Pensijilan untuk pertimbangan dan keputusan Jawatankuasa Panel Rayuan.

4.3 URUS SETIA PROGRAM PENSIJILAN

4.3.1 Urus setia Program Pensijilan adalah Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan (BKPAK), CREaTE.

4.3.2 Peranan dan Tanggungjawab

Membuat hebahan pelaksanaan program kepada pegawai JKR Cawangan dan Negeri

- i. Menerima permohonan dan menyemak kelayakan calon berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam kerangka ini
- ii. Membenteng semakan kelayakan calon untuk menduduki sesi penilaian kompetensi kepada Jawatankuasa Pengesahan Permohonan untuk pengesahan
- iii. Menguruskan sesi temuduga
- iv. Menyediakan laporan penilaian dan menyediakan pengesyoran untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Perakuan Pensijilan Kompetensi
- v. Menyediakan sijil program pensijilan kompetensi dan sijil penghargaan, dan memaklumkan kepada pemohon keputusan pensijilan melalui surat yang ditandatangani oleh Pemilik Program/Pengarah Program
- vi. Menganjurkan majlis penganugerahan program pensijilan
- vii. Menyediakan laporan berhubung rayuan calon untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Panel Rayuan.

4.4 JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PIAWAIAN KOMPETENSI

4.4.1 Jawatankuasa ini dianggotai secara tetap oleh:

- i. Pengerusi: Pengarah Kanan/Pengarah mengikut kompetensi
- ii. Ahli-ahli Jawatankuasa setiap disiplin yang dilantik oleh Pengerusi yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a) Pemilik Kompetensi
 - b) Pakar Rujuk Jabatan, *Subject Matter Expert(SME)*, pegawai yang memiliki Tahap 4 dan pegawai-pegawai lain mengikut kesesuaian.
- iii. Urus setia: Kompetensi Disiplin

4.4.2 Peranan dan Tanggungjawab

- i. Membangunkan piawaian kompetensi bagi setiap bidang pensijilan yang mengandungi elemen kompetensi, kriteria prestasi dan wajaran pemarkahan Program Pensijilan
- ii. Mengemaskini dan memantapkan piawaian kompetensi bagi setiap bidang pensijilan mengikut keperluan semasa.

4.5 JAWATANKUASA TEKNIKAL KERANGKA

4.5.1 Jawatankuasa Teknikal dianggotai secara tetap oleh:

- i. Pengerusi: Pengarah Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan (BKPAK)
- ii. Ahli-ahli Jawatankuasa setiap disiplin yang dilantik oleh Pengerusi yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a) Pengarah Kanan/Pengarah/Wakil Disiplin (Awam, Mekanikal, Elektrik, Arkitek, Ukur Bahan, Ukur Bangunan dan Pelbagai)
 - b) Semua Pemilik Kompetensi di peringkat Jabatan
- iii. Urus setia: CREaTE.

4.5.2 Peranan dan Tanggungjawab

- i. Membangunkan Dokumen Kerangka Program Pensijilan
- ii. Mengemaskini dan memantapkan Dokumen Kerangka Program Pensijilan mengikut keperluan semasa.

4.6 JAWATANKUASA MELULUSKAN DOKUMEN KERANGKA PROGRAM PENSIJILAN

4.6.1 Jawatankuasa ini dianggotai secara tetap oleh:

- i. Pengerusi: Pengarah Kanan CREaTE
- ii. Dua (2) orang ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Pengerusi seperti berikut:
 - a) Pengarah Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan (BKPAK)
 - b) Pengarah Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan (BIPPK)
- iii. Urus setia : CREaTE

4.6.2 Peranan dan Tanggungjawab

- i. Mengesah dan meluluskan Dokumen Kerangka Program Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR.
- ii. Mengemaskini dan memantapkan Dokumen Kerangka Program Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR mengikut keperluan semasa.

4.7 JAWATANKUASA PENGESAHAN PERMOHONAN

4.7.1 Jawatankuasa Pengesahan Permohonan bertanggungjawab untuk mengesahkan kelayakan calon yang memohon untuk mengikuti program pensijilan. Jawatankuasa ini dianggotai secara tetap oleh:

- i. Pengerusi: Pengarah BKPAK
- ii. Ahli: Semua Ketua Unit di BKPAK, CREaTE
- iii. Urus setia: CREaTE

4.7.2 Peranan dan Tanggungjawab

- i. Menyemak borang permohonan dan kelayakan calon berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Dokumen Kerangka
- ii. Mengesahkan senarai calon-calon yang layak.

4.8 PEMILIK KOMPETENSI

4.8.1 Kriteria pemilihan dan lantikan pemilik kompetensi adalah berdasarkan kepada pemilihan oleh Ketua Disiplin / Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan / Ketua Kompetensi.

4.8.2 Peranan dan Tanggungjawab

Mengetuai pasukan untuk menyediakan dan mengemaskini kandungan modul kursus untuk bidang kompetensi selaras dengan kehendak jabatan dan perkembangan semasa.

4.9 PANEL PENILAI

4.9.1 Panel penilai dilantik oleh Pemilik Program yang terdiri daripada Pengarah Kanan, Pengarah, *Subject Matter Expert (SME)*(Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia), Pakar Rujuk Jabatan, pegawai yang memiliki Sijil Kompetensi Teknikal JKR Tahap yang lebih tinggi, pakar sektor swasta dan pesara pakar daripada agensi kerajaan.

4.9.2 Peranan dan tanggungjawab

- i. Menyemak, menilai dan mempertimbangkan permohonan calon ketika sesi temuduga berdasarkan Laporan Pengalaman dan Laporan Teknikal yang merangkumi ketiga-tiga komponen iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap
- ii. Memberi markah berdasarkan skema pemarkahan calon dan skema pemarkahan kompetensi tahap yang dimohon setelah selesai keseluruhan proses penilaian temuduga kepada Urus Setia Program Pensijilan
- iii. Memberi keterangan di dalam Jawatankuasa Panel Rayuan (jika perlu).

4.10 JAWATANKUASA PERAKUAN PENSIJILAN KOMPETENSI

4.10.1 Jawatankuasa ini dianggotai secara tetap oleh:

- i. Pengerusi: Pemilik Program (Pengarah Kanan CREaTE)
- ii. Sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Pengerusi seperti berikut:
 - a) Ketua Disiplin / Wakil (Awam, Mekanikal, Elektrik, Arkitek, Ukur Bahan dan Ukur Bangunan)
 - b) Ketua Kompetensi / Wakil (bagi disiplin Pelbagai)
- iii. Pengurus Program (Pengarah BKPAK, CREaTE) / Wakil
- iv. Urus setia: CREaTE.

4.10.2 Peranan dan Tanggungjawab

Memperakukan calon yang lulus dalam program pensijilan untuk dianugerahkan sijil kompetensi berdasarkan keputusan penilaian panel penilai, pelaporan urus setia dan Pemilik Program.

4.11 JAWATANKUASA PANEL RAYUAN

4.11.1 Jawatankuasa Panel Rayuan dianggotai oleh:

- i. Pengerusi: Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar) yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kerja Raya;
- ii. Dua (2) orang ahli Jawatankuasa seperti berikut:
 - a) Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK) JKR / Wakil yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kerja Raya;
 - b) *Subject Matter Expert (SME) /Pakar Rujuk Jabatan/Pegawai kompeten (Tahap Pensijilan lebih tinggi daripada calon), pakar atau pesara pakar daripada agensi kerajaan atau swasta atau mana-mana pegawai jabatan yang sesuai dan bukan terdiri daripada Panel Penilai yang menilai calon sebelum ini, yang dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Panel Rayuan.*
- iii. Urus setia: CREaTE

4.11.2 Peranan dan Tanggungjawab

- i. Menilai dan mempertimbangkan permohonan rayuan calon ke atas keputusan penilaian temuduga program pensijilan ini.
- ii. Membuat keputusan ke atas rayuan calon.

4.11.3 Panel penilai yang berkenaan akan dijemput memberi keterangan (jika perlu). **Keputusan Jawatankuasa Panel Rayuan adalah muktamad.**

5.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PENSIJILAN

5.1 RUJUKAN MODEL KOMPETENSI

Penetapan tahap pentauliahan bagi program Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR ini dirujuk daripada definisi yang digariskan di dalam dokumen *COMPETENCY MODEL & DICTIONARY JKR MALAYSIA 20700-0285-17 (Revision 1-2017)*.

Bagi program pensijilan ini, penilaian dan pentauliahan dilaksana untuk Tahap 2, 3 dan 4 sahaja seperti tertera dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tahap Program Pensijilan Kompetensi JKR dan Definisi

TAHAP	DEFINISI	KETERANGAN
2	Asas	Anda masih dalam proses belajar atau hanya mempunyai sedikit pendedahan atau pengetahuan asas atau sedikit amalan yang berkaitan. Anda mampu menganalisa dan menterjemahkan maklumat. Penyeliaan masih diperlukan. Anda mengetahui di mana untuk mendapatkan bantuan.
3	Kompeten	Anda berupaya mengamal teknik secara langsung dan menggunakan kaedah (<i>tools</i>) secara berdikari. Penyeliaan diperlukan dari semasa ke semasa. Anda berupaya untuk mengenalpasti isu, menjangka masalah dan memberikan penjelasan/alasan. Anda bekerja dengan para pengamal lain dalam kemahiran bidang khusus.
4	Mahir	Anda mempunyai pengamalan yang luas dan berupaya untuk menyelia pengamal lain. Anda menunjukkan kemahiran secara berdikari hampir sepanjang masa. Anda berupaya untuk mengenalpasti isu, menjangka masalah dan menghuraikan penjelasan. Anda bekerja dengan para pengamal lain dalam kemahiran bidang khusus.

5.2 SYARAT KELAYAKAN ASAS PENSIJILAN

Program pensijilan ini terbuka kepada pegawai Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana JKR Malaysia yang terlibat dalam memberi perkhidmatan teknikal kepada pemegang taruh (*stakeholder*) JKR, sama ada yang berkhidmat di JKR atau agensi kerajaan lain (Pegawai Kader).

Pemohon hendaklah memenuhi syarat kelayakan asas, yang meliputi aspek seperti pengalaman kerja, kelayakan akademik, mengikuti kursus wajib pensijilan dan pendaftaran dengan pertubuhan profesional, mengikut tahap pensijilan sebagaimana ditetapkan di **Jadual 2**.

Sebarang pengecualian syarat kelayakan asas untuk mana-mana bidang kompetensi tidak akan dipertimbangkan. Syarat kelayakan asas program ini adalah berdasarkan Jadual 2.

Jadual 2: Syarat Kelayakan Asas Pensijilan

Bil	Bidang Pensijilan	Tahap	Syarat kelayakan						
			Gred Jawatan	Pengalaman			Kelayakan Akademik (Minima – Jurusan berkenaan)	Pendaftaran dengan Pertubuhan Profesional (Cth: LJM, LAM, LJUBM)	Hadir Kursus Wajib
				Kerja di JKR (Tahun minima)	Kerja Dalam Bidang (Tahun minima)	Penceramah / fasilitator / Pembentang Kertas Kerja/ Mentor/ Penulis			
1	Semua bidang kecuali bidang di 1A, 1B dan 1C	4	≥ J41	10 (P&P)	5	✓	Sarjana Muda	Berdaftar dan Ahli profesional	Rujuk Lampiran 1
1A	Bidang Arkitek: <ul style="list-style-type: none"> • Konservasi Bangunan • Hiasan Dalaman • Multimedia Senibina • Reka Bentuk Perbandaran Lestari • Reka Bentuk Sejagat • Senibina Lanskap Senibina Lestari 	4	≥ J41	10 (P&P)	5	✓	Sarjana Muda	Berdaftar	
1B	Bidang Kejuruteraan Alam Sekitar	4	≥ J41	10 (P&P)	5	✓	Sarjana Muda	Berdaftar	
1C	<ul style="list-style-type: none"> • Bidang Pengurusan Aset dan Fasiliti • Pegawai Penilai Teknikal (BPA) 	4	≥ J41	10 (P&P)	5	✓	Sarjana Muda	Berdaftar	
2	Semua bidang	3	≥ J41	6 (P&P)	3	X	Sarjana Muda	Berdaftar	

Bil	Bidang Pensijilan	Tahap	Syarat kelayakan						
			Gred Jawatan	Pengalaman			Kelayakan Akademik (Minima – Jurusan berkenaan)	Pendaftaran dengan Pertubuhan Profesional (Cth: LJM, LAM, LJUBM)	Hadir Kursus Wajib
				Kerja di JKR (Tahun minima)	Kerja Dalam Bidang (Tahun minima)	Penceramah / fasilitator / Pembentang Kertas Kerja/ Mentor/ Penulis			
3	Bidang Arkitek: • Senibina Landskap	3	≥ JA29	5	3	X	Diploma	X	Rujuk Lampiran 1
	• Hiasan Dalaman		≥ JA29	5	3	X	Diploma	X	
	Bidang Pelbagai: • BIM		≥ JA19	5	3	X	Sijil	X	
4	Semua bidang	2	≥ J41	3	2	X	Sarjana Muda	Berdaftar	
			≥ JA29	6	4	X	Diploma	X	
	Bidang Arkitek: • Multimedia Senibina (MS)		≥ JA22	3	2	X	Diploma	X	
	• Hiasan Dalaman		≥ JA29	3	2	X	Diploma	X	
	• Senibina Landskap		≥ JA19	5	3	X	Diploma	X	
Bidang Pelbagai: • BIM	≥ JA19	3	2	X	Sijil	X			

5.11.2 Pengalaman Kerja

Pengalaman Kerja di JKR: Calon hendaklah mempunyai pengalaman kerja di JKR Cawangan/Negeri atau agensi Kerajaan lain (Pegawai kader) sekurang-kurangnya untuk tempoh seperti ditetapkan di dalam **Jadual 2**.

Pengalaman Kerja dalam Bidang: Calon hendaklah mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang pensijilan yang dimohon sekurang-kurangnya untuk tempoh seperti ditetapkan di dalam **Jadual 2**. Pengalaman yang diambil kira tidak terhad kepada pengalaman bekerja di pejabat tertentu JKR, pengalaman bekerja di organisasi lain termasuk di sektor swasta yang serupa juga boleh diambil kira bagi memenuhi syarat ini.

Calon yang memohon pensijilan Tahap 4 hendaklah mempunyai pengalaman-sebagai penceramah/fasilitator/pembentang kertas kerja/penyedia garis panduan/penulis dalam kompetensi berkaitan ataupun mempunyai pengalaman menjadi mentor, serta berdaftar dan diiktiraf sebagai ahli badan profesional, di mana berkenaan.

5.11.3 Kursus Wajib Pensijilan

Bagi memastikan bahawa pemohon telah dilatih secara terancang dan sistematik, mereka dikehendaki menyertai kursus-kursus teknikal yang ditetapkan dan bersesuaian dengan tahap pensijilan yang dimohon.

Senarai kursus wajib pensijilan, yang dianjurkan oleh CREaTE atau JKR, mengikut bidang kompetensi, adalah seperti di **Lampiran 1**. Sebagai syarat asas pensijilan, pemohon hendaklah menghadiri dan memiliki sijil kursus-kursus tersebut atau kursus setara atau lebih tinggi.

Kursus-kursus swasta yang menawarkan topik yang sama dan yang setara atau lebih tinggi, boleh diambil kira sebagai pematuhan kepada syarat asas pensijilan. Sijil-sijil kursus swasta berkenaan perlu disemak, diperakukan setara dan ditandatangani oleh Pemilik Kompetensi atau Pegawai Kompeten yang mempunyai kompetensi dalam bidang yang dimohon (tahap yang lebih tinggi), sebelum mengemukakan Borang Permohonan seperti di **Lampiran 3**. Di samping mengemukakan salinan sijil kursus swasta, calon hendaklah juga mengemukakan salinan brosur/maklumat kursus yang antaranya mengandungi maklumat mengenai penganjur, pengenalan kursus, objektif kursus dan kandungan kursus.

Modul yang diambil semasa pengajian di peringkat sarjana atau kedoktoran falsafah **tidak boleh diambil kira** sebagai menepati kriteria asas kursus wajib yang sama, setara atau lebih tinggi.

Tempoh sah laku kursus yang dihadiri adalah lima (5) tahun dari tarikh program pensijilan dihebahkan atau dipelawa.

6.0 KAEDAH PELAKSANAAN PENSIJILAN

Bahagian ini menghuraikan kaedah pelaksanaan pensijilan yang merangkumi tatacara permohonan, penilaian, pengesyoran dan perakuan. Proses pelaksanaan pensijilan seperti keterangan di bahagian berikut digambarkan dalam carta alir di **Lampiran 2**.

6.1 TATACARA PERMOHONAN

Hebahan atau pelawaan program ini akan disiarkan melalui:

- i) Laman web rasmi JKR dan CREaTE
 - Surat rasmi kepada Pengarah Kanan/Pengarah/Ketua Jabatan (KADER) yang berkenaan
- ii) Hebahan e-mel kepada warga JKR

Pemohonan untuk mengikuti program pensijilan kompetensi ini boleh dibuat apabila pelawaan untuk mengikuti program telah disiarkan oleh pihak urus setia. Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan permohonan kepada Urus Setia Program Pensijilan Kompetensi JKR (urus setia). Pemohon hendaklah melengkapkan dan mengemukakan dokumen berikut kepada pihak urus setia:

- i) Borang Permohonan (**Lampiran 3**).
- ii) Dokumen sokongan berkenaan yang dinyatakan dalam bahagian berkenaan dokumen kerangka ini seperti sijil akademik, sijil penyertaan kursus wajib;
- iii) Surat pelantikan sebagai penceramah/fasilitator/mentor/pembentang kertas kerja atau penyedia garis panduan/penulis dalam kompetensi berkaitan serta berdaftar dan diiktiraf sebagai ahli badan profesional, di mana berkenaan (untuk tahap 4 sahaja).

Setelah lulus penilaian peringkat pertama, calon akan dihubungi oleh urus setia untuk mengemukakan Laporan Pengalaman dan Laporan Teknikal dalam bidang kompetensi berkenaan.

Jika didapati maklumat yang dikemukakan oleh calon adalah palsu, calon tidak dibenarkan membuat permohonan selama 2 tahun dari tahun kejadian.

6.2 TATACARA PENILAIAN

Tatacara penilaian adalah terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu semakan dan temuduga:

Peringkat Pertama

6.11.2 Semakan Kelayakan Pemohon

Pada peringkat pertama, urus setia akan menyemak kesempurnaan dan kecukupan dokumen serta pematuhan kepada syarat kelayakan asas pensijilan.

Pihak urus setia seterusnya akan membentangkan laporan semakan kepada Jawatankuasa Pengesahan Permohonan untuk pengesahan kelayakan pemohon. Mana-mana pemohon yang gagal mematuhi syarat-syarat asas pensijilan dianggap **tidak layak** untuk mengikuti proses penilaian kompetensi yang akan dilaksanakan melalui sesi penilaian/temuduga bersama Panel Penilai. Keputusan kelayakan calon akan dimaklumkan oleh urus setia.

Peringkat Kedua

6.11.3 Penilaian Kompetensi oleh Panel Penilai

Pemohon **yang layak** akan diminta untuk mengemukakan tiga (3) salinan Laporan Pengalaman dan Laporan Teknikal dalam bentuk *hardcopy* dan satu salinan *softcopy* yang dimajukan melalui e-mel pensijilanjkr@jkr.gov.my

Laporan Pengalaman dan Laporan Teknikal perlu disahkan oleh Ketua Bahagian / Pengarah berkenaan dan Pemilik Kompetensi/pegawai yang mempunyai kompetensi dalam bidang yang dimohon (tahap yang lebih tinggi) sebelum dikemukakan kepada urus setia dalam tempoh yang ditetapkan. Keterangan mengenai Laporan Teknikal untuk setiap bidang dan tahap pensijilan adalah seperti dinyatakan di dalam Piawaian Kompetensi Pensijilan bidang berkenaan.

Penilaian kompetensi calon dilaksanakan berdasarkan elemen kompetensi dan petunjuk pencapaian seperti dinyatakan di dalam Piawaian Kompetensi untuk bidang dan tahap kompetensi berkenaan. Laporan Teknikal yang dikemukakan oleh calon juga akan digunakan sebagai asas dan rujukan untuk penilaian kompetensi calon berkenaan.

Semasa sesi temuduga, Panel Penilai akan menilai kompetensi calon berdasarkan Laporan Pengalaman dan Laporan Teknikal yang merangkumi ketiga-tiga komponen iaitu:

- i) Pengetahuan: Pengetahuan teknikal dalam bidang berkenaan.
- ii) Kemahiran: Dalam konteks pensijilan ini, kemahiran adalah kebolehan untuk mengaplikasikan pengetahuan teknikal dan pengurusan dalam melaksana tugas dengan mencapai hasil yang ditentukan dalam masa dan sumber ditetapkan.
- iii) Sikap: Kecenderungan untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap idea, objek, orang atau keadaan tertentu.

Calon adalah tidak dibenarkan membuat sebarang rakaman (audio atau video) semasa sesi temuduga dijalankan. Jika arahan ini tidak dipatuhi, permohonan calon adalah terbatal.

6.3 DOKUMEN PIAWAIAN KOMPETENSI PENSIJILAN

Calon-calon hendaklah mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran serta pengalaman yang bersesuaian bagi memohon pensijilan bagi sesuatu bidang teknikal. Elemen kompetensi untuk setiap bidang khusus dan tahap pensijilan terkandung di dalam dokumen Piawaian Kompetensi bidang berkenaan.

Dokumen piawaian kompetensi ini (Dokumen berasingan daripada Kerangka Pensijilan), turut mengandungi petunjuk pencapaian atau kriteria prestasi, skema pemarkahan bagi setiap elemen kompetensi dan syarat-syarat tambahan pensijilan (*Range of variables*). Piawaian ini menjadi penanda aras dan rujukan/senarai semak untuk Panel Penilai menilai kompetensi calon sama ada dari aspek pencapaian pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknikal berkenaan.

6.4 PELANTIKAN PANEL PENILAI

Bagi mendapatkan cadangan nama panel penilai, Pengurus Program akan merujuk kepada Ketua Disiplin/Ketua Kompetensi di peringkat Jabatan.

Ketua Disiplin/Ketua Kompetensi boleh mencadangkan panel penilai daripada Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan, *Subject Matter Expert (SME)* (Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia), pegawai yang memiliki Sijil Kompetensi Teknikal JKR / Pakar Rujuk Jabatan / pakar daripada pesara agensi kerajaan dan swasta.

Jadual 3 berikut menunjukkan maklumat ketetapan kelayakan panel penilai bagi tujuan melaksana penilaian terhadap calon mengikut tahap pensijilan dimohon.

Jadual 3: Ketetapan Kelayakan Panel Penilai Mengikut Tahap Pensijilan

Tahap Pensijilan	Kelayakan Panel Penilai
Tahap 2	Pengarah Cawangan/ Negeri/ Projek, <i>Subject Matter Expert (SME)</i> , Pakar Rujuk Jabatan atau Pegawai kompeten Tahap 3 atau 4.
Tahap 3	Pengarah Cawangan/ Negeri/ Projek, <i>Subject Matter Expert(SME)</i> , Pakar Rujuk Jabatan atau Pegawai kompeten Tahap 4.
Tahap 4	Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan / Negeri/ Projek, <i>Subject Matter Expert(SME)</i> , Pakar Rujuk Jabatan atau pakar dari sektor swasta dan pesara pakar dari agensi kerajaan.

6.5 KAEDAH PENILAIAN DAN WAJARAN PEMARKAHAN

Penilaian kompetensi oleh Panel Penilai dijalankan secara temuduga mengikut tarikh, tempoh masa dan tempat yang ditetapkan oleh urus setia. Sesi temuduga akan dikendalikan oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang Panel Penilai bagi setiap bilik temuduga. Markah purata akan diambil daripada setiap Panel Penilai. Kaedah penilaian dan wajaran pemarkahan bagi setiap komponen serta markah lulus adalah seperti di **Jadual 4**. Setiap calon diwajibkan mengemukakan Laporan Pengalaman dan Teknikal mengikut jadual yang ditetapkan.

Jadual 4: Kaedah Penilaian, Wajaran Pemarkahan dan Markah Lulus

Komponen	Kaedah Penilaian	Wajaran Pemarkahan		
		Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4
Pengetahuan	Laporan Teknikal dan Laporan Pengalaman	20%	20%	20%
Kemahiran	Temuduga	70%	70%	70%
Sikap	Temuduga	10%	10%	10%
Markah keseluruhan		100%	100%	100%
Markah Lulus		70%	70%	70%

Skema pemarkahan bagi setiap komponen penilaian, yang wajaran ditetapkan di dalam **Jadual 4** di atas, ditetapkan di dalam Piawaian Kompetensi bagi bidang khusus berkenaan.

Masa yang diperuntukkan untuk setiap sesi temuduga adalah 30 minit untuk Tahap 2 dan 3 manakala 60 minit untuk Tahap 4. Markah lulus ditetapkan untuk semua tahap adalah 70%. Sekiranya calon gagal mendapat markah keseluruhan sekurang-kurangnya 70%, maka keputusan gagal akan disyorkan untuk calon tersebut.

6.6 PENGESYORAN DAN PERAKUAN

Panel Penilai akan menyerahkan Borang Penilaian/Pemarkahan kepada urus setia setelah selesai keseluruhan proses penilaian temuduga.

Seterusnya, pihak urus setia akan membuat semakan ke atas Borang Penilaian/Pemarkahan tersebut.

Keputusan penilaian/pemarkahan akan dibentangkan oleh urus setia kepada Jawatankuasa Perakuan Pensijilan Kompetensi bagi tujuan mendapatkan perakuan.

6.7 PENURUNAN TAHAP

Pada dasarnya penilaian dibuat mengikut tahap pensijilan yang dimohon oleh calon. Sekiranya gagal penilaian pada tahap yang dimohon, calon berkenaan tidak layak dipertimbangkan untuk ditauliahkan kepada tahap yang lebih rendah.

Namun begitu sekiranya Panel Penilai, berdasarkan semakan ke atas Laporan Teknikal yang dikemukakan oleh calon, berpendapat bahawa kemungkinan besar calon tidak akan lulus penilaian pada tahap dimohon; maka Panel Penilai boleh mencadangkan kepada urus setia supaya calon dinilai pada tahap kompetensi yang lebih rendah. Panel Penilai hendaklah memaklumkan kepada urus setia mengenai sebarang cadangan penurunan tahap sebelum sesi temuduga bermula. Dalam kes ini, urus setia akan mendapatkan persetujuan calon untuk penurunan tahap dan penilaian akan dilaksanakan berdasarkan piawaian kompetensi yang dipersetujui.

Sebarang permohonan naik taraf ke tahap yang lebih tinggi **tidak** akan dipertimbangkan. Pemohon hendaklah melalui proses permohonan dan penilaian yang sama seperti yang perlu dilalui oleh pemohon baharu.

7.0 RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN PENILAIAN

7.1 Sekiranya seseorang calon tidak bersetuju dengan keputusan penilaian yang diterima dan yakin terdapat masalah dalam proses penilaian yang dilaksanakan oleh pihak Pengurus Program, beliau boleh mengemukakan rayuan sekiranya syarat-syarat berikut dipenuhi:

- i. Keputusan penilaian telah dikeluarkan
- ii. Asas rayuan telah dikenalpasti
- iii. Rayuan rasmi perlu dikemukakan dengan bukti
- iv. Langkah (i) hingga (iii) dikemukakan kepada urus setia dalam tempoh 14 hari daripada pemakluman keputusan penilaian.

7.2 Asas di mana calon boleh merayu untuk dipertimbangkan semula keputusan adalah terhad kepada satu atau lebih alasan yang dinyatakan di bawah:

- i. Semasa Sesi Penilaian

Terdapat ralat yang boleh dibuktikan dalam pelaksanaan penilaian atau proses membuat keputusan yang boleh menyebabkan keraguan munasabah sama ada keputusan penilaian akan berbeza sekiranya ia tidak berlaku. Contoh: Berlaku penyimpangan dalam penilaian kompetensi atau ketidakpatuhan dengan dokumentasi atau piawaian yang diterbitkan.

ii. Semasa Proses Pemarkahan dan Membuat Keputusan

Terdapat kesilapan dalam proses pemarkahan dan/atau membuat keputusan berikutan dengannya. Hasil penilaian jauh berbeza daripada jangkaan munasabah calon untuk menimbulkan keraguan sama ada proses telah dijalankan dengan betul.

7.3 Perkara 7.2(i) dan 7.2(ii) adalah contoh-contoh keadaan yang boleh diterima berkaitan dengan asas untuk rayuan tetapi ianya tidak mewakili definisi lengkap atau menyeluruh asas tersebut.

8.0 PENYERAHAN PERMOHONAN DAN KOMUNIKASI LAIN

Permohonan untuk menyertai Program Pensijilan Kompetensi JKR, Malaysia boleh dibuat dengan mengemukakan Borang Permohonan Rasmi dan Laporan Pengalaman (**Lampiran 3**) yang telah dilengkapi berserta salinan sah sijil kehadiran kursus dan dokumen sokongan berkenaan, berserta senarai semak (**Lampiran 4**) kepada urus setia di alamat:

Urus Setia Program Pensijilan Kompetensi JKR
Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE)
Jalan Kemus
78000 Alor Gajah, Melaka

No. Tel: 06-551 2205/2206/2207/2208/2209/2210/2211

Emel: pensijilanjkr@jkr.gov.my

Sekiranya pemohon mempunyai sebarang pertanyaan dan/atau komunikasi lain berhubung dengan pensijilan ini (termasuk rayuan ke atas keputusan penilaian), sila hubungi pihak urus setia di alamat, nombor telefon dan emel seperti di atas.

9.0 PELEPASAN MELAKSANA TUGAS HAKIKI

Selaras dengan arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia (KPKR) supaya setiap kakitangan JKR sentiasa menambah pengetahuan dan mempertingkatkan kompetensi, Pengarah Kanan/Pengarah/Ketua Jabatan (KADER) yang berkenaan hendaklah memberikan pelepasan kepada semua ahli Jawatankuasa dan Panel Penilai yang dilantik serta calon yang memohon, untuk menjayakan program pensijilan ini.

10.0 LAMPIRAN KEPADA KERANGKA

Lampiran berikut perlu dirujuk sebagai sebahagian daripada Kerangka Program Pensijilan ini iaitu:

- i. **Lampiran 1:** Senarai kursus wajib mengikut bidang khusus dan tahap pensijilan. **(Lampiran A1 hingga K)**
- ii. **Lampiran 2:** Carta alir pelaksanaan program pensijilan.
- iii. **Lampiran 3:** Borang Permohonan Rasmi dan Laporan Pengalaman.
- iv. **Lampiran 4:** Senarai Semak Pengemukaan Dokumen

Lampiran 1: Senarai kursus wajib mengikut bidang khusus dan tahap pensijilan.

Lampiran A1: Senarai Kursus Bagi Disiplin Awam - Kejuruteraan Jalan

1. Pensijilan Tahap 2 – Asas

Calon bagi pensijilan tahap asas wajib menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) kursus teknikal dari bidang kejuruteraan jalan di bawah:

Modul Program	Tajuk Kursus / Silibus
Pavemen	1. Asas Reka Bentuk Struktur Pavemen
	2. Asas Penilaian Pavemen
	3. Reka Bentuk Campuran Asphalt
	4. Kawalan Kualiti Semasa Pembinaan
	5. Sistem Pengurusan Pavemen
	6. Asas Reka Bentuk Struktur Pavemen Konkrit
	7. Asas Reka Bentuk Pembaikan dan Pemulihan Jalan
Geometrik	1. Reka Bentuk Jajaran Jalan (Geometri & Persimpangan)
	2. Asas Pengambilan Tanah & Pembangunan Tepi Jalan
	3. Asas Reka Bentuk Pengalihan Utiliti
	4. Penggunaan Perisian Reka Bentuk Jalan
Hidrologi & Perparitan	1. Kursus Hidrologi & Sistem Perparitan
	2. Kursus Asas Hidraulik
	3. Pengenalan kepada <i>Environmental Protection Works</i>
Trafik	1. Kursus Asas Kajian Trafik
	2. Kursus Asas <i>TIA</i>
	3. Kursus Asas <i>Highway Capacity Manual</i>
	4. Kursus Asas <i>SIDRA</i>
	5. Kursus Asas <i>Traffic Survey</i>

2. Pensijilan Tahap 3 – Kompeten

Calon bagi pensijilan tahap kompeten wajib menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) kursus teknikal dari bidang kejuruteraan jalan di bawah:

Modul Program	Tajuk Kursus / Silibus
Pavemen	1. Penggunaan <i>Specialty Mix</i> Dalam Kerja- Kerja Penurapan Jalan
	2. Penggunaan Perisian <i>Rubicon</i>
	3. Reka Bentuk Jalan Konkrit
	4. <i>Pavement Design For Upgrading & Widening (Flexible Pavement)</i>
	5. <i>Pavement Evaluation & Rehabilitation</i>
	6. Reka Bentuk Campuran Asphalt Dan Penggunaan Bahan Tambah Dalam Campuran Asphalt
Geometrik	1. Reka Bentuk Jajaran Jalan
	2. Reka Bentuk Geometri Persimpangan Bertingkat
	3. Reka Bentuk Geometri Persimpangan Searas (<i>At-Grade</i>)
	4. Reka Bentuk Perabot Jalan
Hidrologi & Perparitan	1. Reka Bentuk Hidraulik / Pembetung & Saliran Permukaan
	2. Reka Bentuk <i>Environmental Protection Works (EPW)</i>
	3. Reka Bentuk Saliran Sub- Permukaan
Trafik	1. Reka Bentuk Pelan Pengurusan Trafik
	2. Reka Bentuk Persimpangan Dari Segi Trafik
	3. Reka Bentuk Jalan Dari Segi Trafik (<i>Mid-Block Design</i>)
	4. Reka Bentuk <i>Ramp Dan Weaving Capacity</i>
	5. Kursus <i>Intermediate SIDRA</i>
	6. Kursus <i>EMME</i>
	7. Kursus <i>Intermediate TIA</i>

3. Pensijilan Tahap 4 – Mahir

Calon bagi pensijilan tahap mahir wajib menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) kursus teknikal dari bidang kejuruteraan jalan di bawah:

Modul Program	Tajuk Kursus / Silibus
Pavemen	1. Kajian Forensik Pavemen
	2. Analisa Pavmen Termasuk Pengendalian Perisian Yang Berkaitan
	3. <i>Pavement Management System (Program & Project Analysis)</i>
	4. Penggunaan <i>Soil Stabilisation</i> Dalam Pembinaan Jalan.
Geometrik	5. Kajian Keberkesanan Reka Bentuk Jajaran Jalan
	6. Kajian Keberkesanan Reka Bentuk Geometri Persimpangan
Hidrologi & Perparitan	7. Forensik Hidraulik
	8. Kajian Keberkesanan Reka Bentuk Saliran
	9. Kajian Keberkesanan Reka Bentuk Pembetung
	10. Kajian Keberkesanan Reka Bentuk Sub-Permukaan
	11. Kajian Keberkesanan <i>Environmental Protection Works</i>
Trafik	12. <i>Public Transport Study</i>
	13. <i>Modal Shift Study</i>
	14. <i>Park And Ride Study</i>
	15. <i>Drop Zone Study</i>

Lampiran A2: Senarai Kursus Bagi Disiplin Awam - Keselamatan Jalan

1. Pensijilan Tahap 2 – Asas

Calon bagi pensijilan tahap asas wajib menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) kursus teknikal dari bidang keselamatan jalan di bawah:

Modul Program	Tajuk Kursus / Silibus
Keselamatan Jalan	1. Kursus Reka Bentuk Jalan
	2. Kursus Audit Keselamatan Jalan (Peringkat 1 – 3)
	3. Kursus Rawatan Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan (<i>Blackspot</i>)
	4. Kursus Pengurusan Trafik Semasa Pembinaan
	5. Kursus Reka Bentuk Persimpangan

2. Pensijilan Tahap 3 – Kompeten

Calon bagi pensijilan tahap kompeten wajib menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) kursus teknikal dari bidang kejuruteraan keselamatan jalan di bawah:

Modul Program	Tajuk Kursus / Silibus
Keselamatan Jalan	1. <i>Training for Road Safety Inspector</i>
	2. Kursus Forensik Kemalangan
	3. Kursus <i>Traffic Engineering Study</i>
	4. Kursus Pengurusan Trafik
	5. Kursus Fasiliti Keselamatan Jalan

3. Pensijilan Tahap 4 – Mahir

Calon bagi pensijilan tahap mahir wajib menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) kursus teknikal dari bidang kejuruteraan keselamatan jalan di bawah:

Modul Program	Tajuk Kursus / Silibus
Keselamatan Jalan	1. Kursus <i>Road Assessment Programme (IRAP)</i>
	2. Kursus <i>Road Safety Management & Strategies</i>
	3. Kursus <i>Traffic Calming</i>
	4. Kursus <i>Road Safety Analysis & Economic Assessment</i>

Lampiran A3: Senarai Kursus Bagi Disiplin Awam - Kejuruteraan Lapangan Terbang

1. Pensijilan Tahap 2 – Asas

Calon bagi pensijilan tahap asas wajib menghadiri sekurang-kurangnya dua (2) kursus daripada yang disenaraikan di bawah.

Modul Program	Tajuk Kursus / Silibus
Kejuruteraan lapangan terbang	1. Pengenalan Kepada Komponen Lapangan Terbang
	2. Pengenalan Kepada <i>Annex 14 of International Civil Aviation Organization (ICAO)</i>
	3. Kursus Penyenggaraan Pavemen Lapangan Terbang

2. Pensijilan Tahap 3 – Kompeten

Calon bagi pensijilan tahap kompeten wajib menghadiri sekurang-kurangnya mana-mana tiga (3) kursus yang disenaraikan di bawah.

Modul Program	Tajuk Kursus / Silibus
Kejuruteraan lapangan terbang	1. Pengenalan Kepada Reka Bentuk dan Operasi Lapangan Terbang
	2. Kursus Pengenalan kepada Reka Bentuk Heliport
	3. Reka Bentuk Struktur Pavemen Lapangan Terbang
	4. Pengenalan <i>Aeronautical Ground Lighting (AGL)</i>

3. Pensijilan Tahap 4 – Mahir

Calon bagi pensijilan tahap mahir wajib menghadiri sekurang-kurangnya mana-mana satu (1) kursus/seminar/persidangan yang disenaraikan

Modul Program	Tajuk Kursus / Silibus
Kejuruteraan Lapangan Terbang	1. <i>Pavement Assessment and Pavement Classification Number (PCN) Value Calculation</i>
	2. Pengenalan <i>Aeronautical Ground Lighting (optional)</i>
	3. <i>Airport Development and Operational Readiness</i>

Lampiran A4: Senarai Kursus Bagi Disiplin Awam - Kejuruteraan Maritim

1. Pensijilan Tahap 2 – Asas

Calon bagi pensijilan tahap asas wajib menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) kursus yang ditetapkan sepertimana senarai di bawah.

Modul Program	Tajuk/Silibus Kursus
Kejuruteraan struktur marin	1. Pengenalan Struktur Maritim & Komponen
	2. Ukur Hidrografi
	3. Reka Bentuk Struktur Maritim - Jeti
Kejuruteraan pantai	1. Pengenalan Kajian Hidraulik
	2. Perlindungan Struktur Perlindungan Pantai
*Seminar/ Persidangan Luar	1. Berkaitan Kejuruteraan marin

2. Pensijilan Tahap 3 – Kompeten

Calon bagi pensijilan tahap kompeten wajib menghadiri empat (4) kursus daripada kursus yang disenaraikan di bawah.

Modul Program	Tajuk/Silibus Kursus
Kejuruteraan struktur marin	1. Reka Bentuk <i>Pontoon</i>
	2. Reka Bentuk Struktur Perlindungan Pantai (<i>Revetment, Breakwater, flexslab</i> dll)
	3. Reka Bentuk Jeti Pra-tuang
	4. Asas Kejuruteraan Geoteknik
	5. Pemeriksaan Dan Penilaian Struktur Bangunan / Penilaian Pemeriksaan Struktur Marin
Kejuruteraan pantai	Kerja Pengerukan (<i>Dredging</i>) senggara dan Baru dan Penebusguna Tanah (<i>Land Reclamation</i>)
Perisian Komputer	Reka Bentuk Jeti Menggunakan Perisian

3. Pensijilan Tahap 4 – Mahir

Calon bagi pensijilan tahap mahir wajib menghadiri tiga (3) kursus/ seminar/ persidangan yang mengandungi silibus disenaraikan di bawah.

Modul Program	Kursus/Silibus Kursus /Seminar
Kejuruteraan struktur marin	1. <i>Marine Structures (i.e. Jetty, quay wall, dolphin, ramp, slipway, etc)</i>
Kejuruteraan pantai	1. <i>Coastal Management/ Engineering</i>
	2. <i>Hydraulic Study</i>
Kejuruteraan struktur marin & Kejuruteraan pantai	1. <i>Port & harbour planning</i>
*Seminar/ Persidangan Luar	Berkaitan Kejuruteraan Marin

Lampiran A5: Senarai Kursus Bagi Disiplin Awam – Kejuruteraan Jambatan

1. Pensijilan Tahap 2 – Asas

Calon bagi pensijilan tahap asas wajib menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) kursus yang ditetapkan sepertimana senarai di bawah.

Modul Program	Kursus/ Seminar/Silibus
<i>Bridge Fundamental</i>	1. <i>Planning & Conceptual Design of Bridges</i>
	2. <i>Preparation of Tender Document for Bridge Project</i>
	3. <i>Introduction to Bridge Structures</i>
	4. <i>Bridge Loading and Analysis</i>
	5. <i>Introduction to Bridge Hydrology and Hydraulic</i>
<i>Bridge Design</i>	1. <i>Design Flood Estimation</i>
	2. <i>Design of Cast-in-situ Concrete Culvert</i>
	3. <i>Design of Short Span Bridge Part 1</i>
<i>Bridge Construction</i>	1. <i>Construction of Conventional & Integral Bridges</i>
	2. <i>Construction of Post-tensioned Beams</i>
<i>ICT</i>	1. <i>Application of Staad Pro software</i>
	2. <i>Application of Midas Civil software</i>
	3. <i>Application of Sam Leap software</i>

2. Pensijilan Tahap 3 – Kompeten

Calon bagi pensijilan tahap kompeten wajib menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) kursus yang ditetapkan sepertimana senarai di bawah.

Modul Program	Kursus/ Seminar/Silibus
<i>Bridge Fundamental</i>	1. <i>Preparation of Tender Document for Bridge Project</i>
<i>Bridge Design</i>	1. <i>Design of Short Span Bridge Part 2</i>
	2. <i>Grillage Analysis</i>
	3. <i>Design of Integral Bridge</i>
	4. <i>Design of Steel Bridge</i>
<i>Bridge Construction</i>	3. <i>Construction of Conventional & Integral Bridges</i>
	4. <i>Construction of Post-tensioned Beams</i>

3. Pensijilan Tahap 4 – Mahir

